

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 APRIL 2021

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 11

HARI : SELASA

Harian Metro | Selasa 13.04.2021

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 11

lokal

Oleh Hajar Umira
Md Zaki
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

P erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan peruntukan dana RM1 juta bagi membantu 5,000 golongan asnaf di Kuala Lumpur menerusi Program PTPTN Prihatin.

Ketua Eksekutif PTPTN Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, pihaknya bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Dana Kita (Dana Kita) bagi mengurus dan menyelaras agihan sumbangan berkenaan.

"Daripada jumlah berkenaan, RM500,000 diserahkan kepada Dana Kita sebagai persediaan untuk menyediakan bantuan ini meliputi barang keperluan harian seperti beras, minyak masak, tepung dan sebagainya,

"Manakala RM500,000 lagi diberikan dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bagi menggalakkan budaya menabung dalam golongan asnaf.

"Kami yakin, Dana Kita sebagai pertubuhan kebaikan



AHMAD Dasuki (depan dua dari kanan) dan Muhammad Irwan (depan tiga dari kiri) pada Majlis Pelepasan Program PTPTN Prihatin di Menara PTPTN, semalam.

Dana RM1j bantu 5,000 asnaf KL

PTPTN kerjasama dengan Dana Kita urus, agih sumbangan

yang aktif dalam agihan sumbangan dan melaksanakan program amal dapat bekerjasama dengan PTPTN merealisasikan hasrat mur-

ni ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pelepasan Program PTPTN Prihatin di Menara PTPTN di sini, semalam.

Menurutnya, secara keseluruhan setiap keluarga asnaf menerima sumbangan RM200 berupa barang keperluan harian berjumlah

RM100 dan RM100 lagi akan diberikan dalam bentuk akaun SSPN-i kepada seorang anak berumur 18 tahun ke bawah.

Saya berharap sumbangan PTPTN ini dapat mengurangkan beban penerima golongan asnaf di Kuala Lumpur"

Ahmad Dasuki

Katanya, bagi melancarkan pemberian sumbangan ini, PTPTN membutuhkan pausulan sukarelawan iaitu Skuad PTPTN Prihatin di bawah CSR PTPTN.

"Objektif Skuad PTPTN Prihatin untuk melaksanakan dan menggerakkan program kesukarelawan dan kemanusiaan diterajui oleh PTPTN.

"Saya berharap sumbangan PTPTN ini dapat mengurangkan beban penerima golongan asnaf di Kuala Lumpur," katanya.

Hadir sama, Timbalan Presiden Dana Kita Muhammad Irwan Omar.

Dalam pada itu, dalam usaha mengenal pasti golongan asnaf berkelayakan, PTPTN mengambil inisiatif bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).